



**INTEGRASI ETNIK DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 6 RENDAH
SMK JALAN OYA SIBU, SARAWAK.**

KANA ANAK GENGGING

**LAPORAN PENYELIDIKAN INI UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT MOD
C UNTUK ANUGERAH SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)**

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

TANJONG MALIM, PERAK.

2014



PENGAKUAN PELAJAR

UPSINPS-3/BO 32
Pind 00 mvs 1/1



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN ISMAIL
نورسري قديمي سطر عر

Sita tanda (✓)

Kertas Projek

Sajana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 22 (hari bulan) 12 (bulan) 2014

i. Perakuan pelajar :

Saya, KANA ANAK GENGING, M20131000134, FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA

NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk INTEGRASI ETNIK DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 6 RENDAH SMK JALAN OYA, SIBU SARAWAK.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandung hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandung hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

 pusat.upsi.edu.my

Tandatangan pelajar

ii. **Perakuan Penyelia:**

Saya, PROF.MADYA DATO' DR.ABD.LATIF BIN GAPOR (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk INTEGRASI ETNIK DALAM
KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 6 RENDAH SMK JALAN OYA, SIBU
SARAWAK.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

31.12.2014

Tarikh

Tandatangan Penyelia



PENGHARGAAN

Syukur dan terima kasih kepada Tuhan yang Maha Esa atas limpah kurnia memberi kekuatan, semangat, buah fikiran dan idea serta kesabaran kepada saya untuk menyiapkan penulisan ilmiah ini dengan jayanya. Kerjayaan ini adalah hasil yang diperolehi dengan adanya kerjasama, tunjuk ajar, bimbingan, motivasi dan idea daripada mereka yang terlibat. Dikempatan ini saya merakamkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya Prof. Madya Dato' Dr. Abd . Latif Bin Gapor yang telah banyak member tunjuk ajar sepanjang saya menjalankan kajian ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga di tujukan kepada kakitangan Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia serta Institusi Pengajian Siswazah atas segala bantuan dan kerjasama yang diberikan.

Di kesempatan ini juga saya merakamkan penghargaan buat pihak pentadbiran SMK Jalan Oya Sibu, guru-guru tingkatan enam serta pelajar-pelajar tingkatan enam rendah yang terlibat dalam proses pengumpulan data kajian.

Jutaan penghargaan buat ahli keluarga saya yang sentiasa memberi sokongan padu dan semangat yang tidak putus-putus sepanjang pengajian sarjana saya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat rakan-rakan seperjuangan, rakan-rakan sekerja, majikan dan lain-lain yang sentiasa memberikan yang terbaik setiap kali saya memerlukan sebarang bantuan.

Segala jasa dan pengorbanan yang diberikan oleh semua pihak secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini hanya mampu dib alas oleh Tuhan. Terima kasih tidak terhingga untuk semua pihak.

Sekian. Terima Kasih.

KANA ANAK GENGGING

M20131000134





ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji dan mengenalpasti bentuk integrasi, faktor penyumbang polarisasi hubungan etnik dan peranan guru tingkatan enam dalam usaha menggalakkan hubungan etnik dalam kalangan pelajar tingkatan enam rendah di SMK Jalan Oya Sibu, Sarawak semasa aktiviti kurikulum, ko-kurikulum serta kehidupan di asrama. Sampel kajian terdiri daripada 28 orang pelajar tingkatan enam rendah dan 5 orang guru tingkatan enam di sekolah tersebut. Kajian dilakukan secara gabungan kuantitatif dengan kualitatif untuk membuat analisis deskriptif. Borang soal selidik dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu Bahagian 1 berkait dengan demografi pelajar, Bahagian 2 ialah mengenai bahasa dan identiti. Bahagian 3 tentang pendidikan di sekolah dan Bahagian 4 meliputi kehidupan pelajar dan faktor penyumbang polarisasi etnik. Pengukuran yang digunakan untuk ketiga-tiga pembolehubah adalah skala Likert dengan pembolehubah yang disediakan. Data yang diperolehi hasil dari borang soal selidik dianalisa dengan menggunakan program SPSS berdasarkan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Peratusan setiap item digunakan untuk menjelaskan tentang fenomena item kajian secara terperinci. Dalam kajian kualitatif iaitu kaedah temu bual digunakan untuk mengenal pasti peranan guru tingkatan 6 dalam menggalakkan perhubungan antara kumpulan etnik pelajar. Terdapat 11 soalan yang akan dikemukakan berdasarkan tujuan kajian ini ditranskripkan serta dianalisis guna perisian SPSS (Statistical Package For Social Science) 21.0 for Windows untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan dalam bentuk jadual. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa secara keseluruhannya bentuk intergrasi etnik dalam kalangan pelajar lebih kepada bekerjasama. Manakala ibu bapa, guru dan ahli politik memainkan peranan penting dalam mengelakkan tahap polarisasi hubungan etnik dalam kalangan pelajar tingkatan enam. Sementara itu guru berperanan sebagai pembimbing dalam usaha menggalakkan hubungan etnik dalam kalangan pelajar. Oleh itu, usaha yang berterusan hendaklah dilaksanakan bagi menyuburkan bentuk integrasi etnik ini.





ABSTRACT

The purposes of this research are to identify and examine the type of integration; factors that contribute to ethnic relation polarization and form six teacher roles in encourage ethnic relation among lower form six students in SMK Jalan Oya Sibu, Sarawak during lessons, co curricular activity and also life in the hostel. Research samples involved 28 of lower form six students and 5 teachers who are teaching form six classes in the same school. This research was descriptively analyzed by using the combination of quantitative and qualitative methods. Questionnaire form was split into four sections; section one relates to student demography, section two about identity and language, section three touches on education in school and section four includes factors that lead to ethnic polarization and also student's life. In addition, the three variables were measure through Likert Scale and all the data from the questionnaire were analyzed using *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) based on descriptive and inferential analysis. Then, the percentage of each item was used to explain the research phenomena in details. In addition, interview was used to determine the roles of form six teachers in encourage ethnic relation among the students. There were eleven questions that relate to the research purposes were transcribed and analyzed using SPSS to get the frequency and percentage in table form. Overall, the findings showed that ethnic integration among students is positive where it more to co-operation. Meanwhile, parents, teachers and politicians play a major role to control the polarization level in ethnic relation to increase especially among lower form six students. At the same time, teacher role is as a guide by giving some efforts to his or her students in making good ethnic relation among themselves. Therefore, continuous efforts should be implemented to ensure this positive ethnic integration will remain forever.



SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	2
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Faedah/ Kepentingan Kajian	6
1.7 Definisi Konsep/Istilah	7
1.8 Kerangka Konseptual	17
1.9 Batasan Kajian	19
1.10 Pendekatan Teori	20
1.11 Kesimpulan	22

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	25
2.1	Kajian Lepas Berkaitan Hubungan Etnik Di Malaysia	27
2.2	Kajian Lepas Berkaitan Hubungan Di Kalangan Pelajar	29
2.3	Kajian Lepas Berkaitan Tahap Hubungan Etnik Di Sekolah	30
2.4	Kajian Luar Negara Mengenai Hubungan Intergrasi Etnik	33
2.5	Kesimpulan	34

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	36
3.1	Reka Bentuk Kajian	37
3.2	Persampelan	39
3.3	Tempat Kajian	40
3.4	Instrumen Kajian	40
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	42
3.6	Kaedah Analisis Data	43
3.7	Rumusan	43

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	45
4.2	Latar Belakang Responden	46
4.3	Bentuk Hubungan Etnik Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Enam Rendah SMK Jalan Oya Sibul.	48

4.4	Faktor Penyumbang Polarisasi Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Enam Rendah SMK Jalan Oya Sibuh.	70
4.5	Peranan Guru Tingkatan Enam Dalam Usaha Menggalakkan Hubungan Etnik Di Kalangan Pelajar Tingkatan Enam Rendah SMK Jalan Oya Sibuh.	90
4.6	Rumusan	99

BAB 5: PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	100
5.2	Ringkasan Kajian	101
5.3	PerbincanganDapatan Kajian	101
5.3.1	Apakah Bentuk Hubungan Etnik Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Enam Rendah SMK Jalan Oya Sibuh.	101
5.3.2	Apakah Faktor Penyumbang Polarisasi Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Enam Rendah SMK Jalan Oya Sibuh.	105
5.3.3	Apakah Peranan Guru Tingkatan Enam Dalam Usaha Menggalakkan Hubungan Etnik Di Kalangan Pelajar Tingkatan Enam Rendah SMK Jalan Oya Sibuh.	107
5.4	Implikasi Kajian	108
5.5	Implikasi Teori	110

5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	111
5.7	Rumusan	112
BIBLIOGRAFI		114
LAMPIRAN		121



SENARAI RAJAH

Rajah

Muka surat

1.0 Kerangka Konseptual

17



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
4.0 Jantina Pelajar Berdasarkan Etnik	46
4.1 Jantina Guru Berdasarkan Etnik	47
4.2 Pekerjaan Bapa Pelajar	47
4.3 Bahasa Identiti Pelajar	48
4.4 Bahasa penghantar sekolah TABIKA / TADIKA	49
4.5 Jenis sekolah rendah	50
4.6 Jenis sekolah menengah	51
4.7 Kemahiran / Penguasaan Bahasa	52
4.8 Bahasa Perhubungan Harian	53
4.9 Bahasa akhbar harian yang dibaca	54
4.10 Bahasa yang selesa untuk mendengar lagu	54
4.11 Bahasa untuk Pembangunan dan Perpaduan Masyarakat Malaysia	55
4.12 Dasar bahasa kuliah	56
4.13 Dasar bahasa tutorial	57
4.14 Dasar Bahasa Tugasan	58
4.15 Dasar bahasa peperiksaan	59
4.16 Kemasukan ke tingkatan enam	60
4.17 Ahli kumpulan tutorial	60
4.18 Penyusunan ahli kumpulan tutorial	61
4.19 Ahli kumpulan dalam aktiviti belajar berkumpulan	62
4.20 Aktiviti anjuran persatuan pelajar	63
4.21 Hadir Seminar Anjuran Sekolah	64
4.22 Hadir Seminar Anjuran Universiti	65
4.23 Kekerapan menghadiri seminar anjuran luar sekolah	66
4.24 Penglibatan persatuan seetnik	67

4.25	Pengelibatan persatuan lain enik	67
4.26	Perbezaan latar belakang etnik tidak menentukan kejayaan di sekolah	69
4.27	Tidak menghadapi masalah bertukar nota kuliah dan belajar dalam kumpulan pelajar daripada etnik lain.	70
4.28	Peringkat memahami hakikat bahawa rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik, budaya dan agama yang berbeza	71
4.29	Peringkat memahami hakikat bahawa rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik, budaya dan agama yang berbeza boleh menimbulkan salah faham dan konflik.	72
4.30	Faktor utama yang mempengaruhi kefahaman pelajar tentang masyarakat pelbagai budaya dan agama	73
4.31	Individu yang memberikan gambaran buruk tentang kaum Lain	74
4.32	Individu yang memainkan peranan dalam menjalin hubungan baik dengan kaum lain	74
4.33	Masalah Utama yang Mungkin Menyebabkan Berlakunya Salah Faham dan Ketegangan Etnik di Kalangan Pelajar	76
4.34	Tempat utama yang menjadi tumpuan untuk komunikasi antara etnik	77
4.35	Program utama yang perlu dilaksanakan oleh sekolah untuk memupuk dan mengukuhkan perpaduan antara etnik	78

4.36	Sulit hendak membina persahabatan dengan pelajar daripada etnik	79
4.37	Jarang merayakan hari kebesaran kumpulan etnik mereka dengan menjemput individu daripada etnik lain	80
4.38	Pelajar yang sakit di asrama sering mendapat simpati, pertolongan dan diziarahi oleh pelajar daripada etnik, budaya dan agama lain	81
4.39	Kegiatan agama, bahasa dan budaya mendapat sokongan pihak sekolah	82
4.40	Menerima Perlembagaan 1957 sebagai kontrak sosial negara	83
4.41	Menerima Perlembagaan 1963 sebagai kontrak sosial negara yang kedua	83
4.42	Mengekalkan kawalan permit kerja di antara rakyat Malaysia di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak	84
4.43	Mengekalkan kawalan imigrasi semenanjung di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak	84
4.44	Ideologi bangsa Malaysia	85
4.45	Tahap pengalaman di asrama	86
4.46	Pilihan rakan sebilik	87
4.47	Makanan Pilihan	88

4.48	Kantin sediakan makanan pelbagai etnik	89
4.49	Gender guru yang di temu bual	91
4.50	Jawatan guru yang di temu bual	91
4.51	Tempoh telah berkhidmat	92
4.52	Pengalaman mengajar tingkatan enam	93
4.53	Maksud Hubungan Etnik menurut pandangan responden yang di temu bual	93
4.54	Bentuk hubungan etnik yang wujud dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan enam rendah berdasarkan pandangan dan pendapat guru-guru yang di temu bual	95
4.55	Kewujudan hubungan etnik	95
4.56	Penentu ahli kumpulan pelajar	96
4.57	Peranan guru dalam usaha mengalakkan hubungan etnik pelajar	96
4.58	Surat Pekeliling Ikthisas yang boleh dikaitkan dengan hubungan etnik	97
4.59	Cadangan usaha galakkan hubungan etnik dalam kalangan pelajar tingkatan enam rendah di SMK Jalan Oya Sibu, Sarawak	98
4.60	Ulasan ringkas hubungan etnik dalam kalangan pelajar tingkatan enam rendah	99



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, persoalan kajian, faedah/kepentingan kajian, definisi konsep, definisi istilah, kerangka konseptual kajian, batasan kajian, pendekatan teori dan kesimpulan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan yang ada di sesebuah negara boleh menjadi salah satu cara memupuk integrasi dan mewujudkan perpaduan di antara etnik. Sebagaimana yang kita tahu sekolah ialah sebuah organisasi berbentuk pendidikan yang mana kebanyakannya semua kaum atau etnik berada dalam satu bumbung yang sama. Dari situlah pelbagai kaum atau etnik dapat mempelajari nilai-nilai murni sesuatu kaum dan seterusnya menghayati proses



sosialisasi secara mudah. Dengan cara tersebut bolehlah mereka mewujudkan perpaduan sebagaimana yang diharapkan oleh sekolah, masyarakat dan bangsa.

Pelbagai dasar telah dilaksanakan sejak merdeka hingga ke hari ini bagi mengwujudkan integrasi di antara etnik. Walaupun banyak kemajuan dapat dilihat dalam hubungan antara etnik pada hari ini, tetapi masih banyak yang perlu dilakukan bagi memantapkan proses integrasi ini. Cabaran-cabaran dan masalah yang timbul, menunjukkan proses integrasi antara etnik di peringkat sekolah perlu dikemaskini dan dimantapkan lagi. Perlu ada dasar atau rancangan yang lebih konkrit bagi mencapai objektif integrasi antara etnik di sekolah. Ia hendaklah bukan sekadar di kulit luaran tetapi isinya.

Pada hari ini tidak dinafikan menerusi sistem dua aliran yang ada, integrasi antara etnik di sekolah telah mencapai banyak kemajuan. Walaubagaimana pun masih banyak yang perlu dilakukan lagi bagi memantapkan lagi proses integrasi antara etnik di sekolah. Proses integrasi yang berlaku pada masa ini kadangkala menghadapi pelbagai masalah yang timbul. Ini jika tidak diatasi boleh melambatkan proses integrasi di sekolah. Oleh pelbagai rancangan dan dasar haruslah difikir dan dikaji bagi menjadikan sekolah sebagai pusat integrasi antara etnik yang terbaik.

1.3. Penyataan Masalah

Pengkaji mendapati bahawa terdapat polarisasi kaum atau etnik di kalangan pelajar walaupun pelbagai usaha penyatupaduan kaum di laksanakan oleh kerajaan melalui

Kementerian Pendidikan Malaysia yang berpaksikan sekolah sebagai agen perubahan. Integrasi kaum di Malaysia bukan suatu isu yang baru. Fenomena ini telah wujud sejak berzaman kerana Malaysia merupakan yang mempunyai penduduk pelbagai kaum dan budaya. Persoalannya, adakah fenomena ini semakin serius sehingga menggugat keharmonian perhubungan etnik pelajar? Terdapat beberapa pandangan yang pernah dikemukakan berkaitan isu polarisasi kaum, khususnya di sekolah.

Dalam kajian Mansor Mohd. Noor dan rakan-rakan (2001) tahap atau darjah etnik seseorang individu itu akan menentukan tingkahlakunya dipengaruhi oleh perkiraan etnik atau tidak. Individu yang tebal batas etniknya akan mengutamakan perkiraan etnik di dalam tingkahlakunya. Berbeza dengan individu yang nipis atau pupus batas etniknya akan mengutamakan perkiraan bersifat non-etnik hingga boleh berhubungan dengan individu-individu lain berdasar silang kumpulan. Dalam suasana sosial berbentuk ini, masyarakat lebih bersifat bersatu padu dan harmoni. Berlainan jika batas etnik itu tebal, individu hanya berhubungan dengan individu lain berdasarkan persamaan etnik hingga wujud masyarakat plural; terpisah, terasing dan masing-masing berada dalam kotak masing-masing tanpa diikat oleh nilai yang dikongsi bersama.

Kajian Hazri Jamil et.al (2004), USM berjudul “Hostiliti atau Harmoni dalam Interaksi Sosial Pelajar Budaya Majmuk di Sekolah-sekolah Menengah Pulau Pinang” (asas/gunaan) menilai keharmonian dalam interaksi sosial pelajar majmuk di sekolah. Kajian tentang tahap hubungan etnik dan integrasi di kalangan pelajar diteruskan lagi di peringkat pengajian tinggi. Kajian Nga Lay Hui @ Janice Nga (2005), UMS



berjudul “Integrasi Antara Kaum di Kalangan Penuntut-Penuntut di Institut Pengajian Tinggi” (asas/gunaan) mengkaji corak pergaulan dan integrasi di kalangan golongan pelajar supaya fahaman etnosentrik dan kelemahan yang dikesan dapat diminimumkan manakala perpaduan sebenar dapat dipergiat dan diteruskan. Kajian ini cuba meneliti bagaimana perbezaan ras dan kekurangan akibatnya dapat dikurangkan bagi mengelak kejadian yang tidak di ingini yang mungkin mengancam kestabilan sosial, ekonomi dan politik untuk mendorong pembinaan bangsa Malaysia. Ini adalah kerana golongan pelajar inilah merupakan bakal pemimpin negara dan akan memasuki golongan kelas menengah pada masa hadapan. Sekiranya tahap hubungan dan integrasi memuaskan, maka akan wujud satu masyarakat Malaysia yang harmoni dan berperibadi tinggi, begitu juga sebaliknya.



Kajian yang dilakukan oleh Fatimah Daud (2002), UM berjudul “Polarisasi Kaum di Kalangan Pelajar-Pelajar Universiti” (asas/gunaan) pula memberi tumpuan kepada hubungan etnik dan polarisasi kaum di kalangan pelajar-pelajar di universiti dengan persoalan adakah ethnic maintenance masih kuat atau berkurangan di kalangan generasi muda sekarang. Kajian dilakukan untuk melihat sejauh mana golongan pelajar ini bergaul dan berinteraksi dalam sebuah komuniti kampus dan adakah akan mempengaruhi cara pergaulan dan interaksi mereka dengan struktur masyarakat luar yang lebih kompleks. Kajian ini mendapati program yang melibatkan aktiviti bersama, pertukaran program budaya, meningkatkan tahap kefasihan bahasa, pemahaman antara agama dapat meningkatkan persefahaman dan perpaduan antara pelajar pelbagai kaum.





Kajian Rusimah Sayuti et. al. (2004), mengenai hubungan kaum di kalangan pelajar Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia. Dapatan hasil daripada kajian tersebut didapati bahawa suasana interaksi di kalangan pelajar dalam kampus menunjukkan kecenderungan kepada keadaan yang positif berdasarkan peratus situasi yang lebih positif sebanyak 57% berbanding situasi yang negatif iaitu sebanyak 43%.

Berikutan dengan pandangan-pandangan tersebut, beberapa persoalan penyelidikan dapat diketengahkan. Apakah bentuk perhubungan antara kumpulan etnik pelajar semasa kegiatan pembelajaran, kokurikulum dan kehidupan di asrama? Apakah faktor yang menjadi penyumbang kepada gejala polarisasi etnik di kalangan pelajar? Apakah peranan guru tingkatan 6 dalam menggalakkan perhubungan antara etnik pelajar?



Soalan-soalan ini perlu diteliti dan diperhalus supaya satu penjelasan yang tepat dan terkini dapat dibuat mengenai polarisasi kaum di kalangan pelajar Tingkatan 6 Rendah di SMK Jalan Oya Sibu, Sarawak. Maklumat ini akan membantu tindakan susulan yang akan dilaksanakan oleh pihak pengurusan sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya dalam menggubal dasar dan program bagi mengatasi masalah kewujudan polarisasi etnik.

1.4. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:



- 1.4.1 Mengenal pasti bentuk perhubungan antara kumpulan etnik pelajar semasa kegiatan pembelajaran, kokurikulum, dan kehidupan di Asrama.
- 1.4.2 Mengenal pasti faktor yang menjadi menyumbang kepada gejala polarisasi etnik.
- 1.4.3 Mengenal pasti peranan guru tingkatan 6 dalam menggalakkan perhubungan antara kumpulan etnik pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang dikemukakan, kajian ini berusaha untuk menjawab beberapa persoalan kajian yang timbul, iaitu:

- 1.5.1 Apakah bentuk perhubungan bentuk perhubungan antara kumpulan etnik pelajar semasa kegiatan pembelajaran, kokurikulum dan kehidupan di asrama?
- 1.5.2 Apakah faktor yang menjadi penyumbang kepada gejala polarisasi etnik di kalangan pelajar?
- 1.5.3 Apakah peranan guru tingkatan 6 dalam menggalakkan perhubungan antara etnik pelajar?

1.6 Faedah / Kepentingan Kajian

- 1.6.1 Mengukur arah tuju perpaduan dalam kalangan pelajar pelbagai etnik untuk menjamin kemakmuran dan kesejahteraan.



1.6.2 Menyumbang kepada perkembangan ilmu dengan terbinanya satu gagasan kerangka pemikiran konsep, teori, dan pengukuran tentang sikap dan tingkah laku etnik.

1.5.3. Mengenal pasti arah dan tahap perubahan batas etnik di kalangan pelajar bagi memudahkan pengkaji, guru, persatuan ibubapa dan guru (PIBG) serta pihak pengurusan sekolah dalam menggubal dan melaksanakan peraturan serta program bagi mengatasi masalah kewujudan polarisasi etnik.

1.6.3 Hasil kajian dapat dijadikan asas oleh para akademik, media, dan pemimpin masyarakat untuk menjana perubahan pemikiran masyarakat tanpa mengira kaum.



1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Integrasi

Integrasi bermaksud satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah. Integrasi bermaksud menyatukan etnik-etnik atau kelompok-kelompok yang terasing pada asalnya kepada satu bentuk lain yang tersendiri. Manakala Konsep Integrasi wujud apabila setiap kumpulan mengekalkan identiti etnik, nilai agama, dan kebudayaan masing-masing tetapi mereka menyertai sistem dan struktur politik, ekonomi, dan sosial yang sama. Integrasi membawa maksud penggabungan atau pergabungan dua atau beberapa kaum menjadi satu kesatuan atau penyatuan (Kamus Dewan, 2002).



Integrasi boleh didefinisikan sebagai satu proses penyesuaian bersama pelbagai kebudayaan dan ciri-ciri sosial yang diterima oleh semua kelompok etnik dalam negara. Identiti, hak dan budaya hidup sesuatu kelompok etnik tidak dihapuskan tetapi disuburkan.

Dalam konteks Malaysia, integrasi merupakan proses bagi mewujudkan satu identiti dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam unit politik. Integrasi ialah penyatuan antara kelompok yang berbeza tetapi hidup di bawah sistem pemerintahan yang sama. Setiap kelompok hidup bersama secara aman tanpa mengira latar belakang dan bebas mengamalkan budaya masing-masing. Integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah daripada segi budaya, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik. Manakala, perpaduan pula boleh diertikan sebagai satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanah air (Shamsul Amri 2007). Terdapat 4 bentuk integrasi atau hubungan etnik iaitu Bekerjasama (Akomodasi), Penyesuaian (Akulturasi), Persaingan dan Konflik.

1.7.2 Bekerjasama/ Akomodasi

Bekerjasama atau akomodasi merupakan satu proses yang memerlukan kerjasama dua atau lebih pihak yang mempunyai matlamat yang berbeza untuk membentuk satu matlamat yang dapat memuaskan hati kedua-dua pihak tersebut. Dalam perkataan lain,



akomodasi juga dikenali sebagai situasi menang-menang (win-win situation) di mana kedua-dua pihak yang bertentangan pendapat atau matlamat akan memperoleh faedah daripada satu matlamat baru yang telah dibina secara bersama dan kolektif. Sebagai contoh, di Malaysia, meskipun bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan, namun demikian bahasa-bahasa lain masih boleh digunapakai selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip perlembagaan.

Cooperation atau kerjasama dimaksud dengan kerjasama adalah suatu usaha bersama antara orang perseorangan atau kelompok manusia untuk mencapai suatu atau beberapa tujuan bersama. Dimana bentuk ini akan berkembang apabila individu atau anggota kelompok yang bekerjasama tersebut dapat digerakkan untuk mencapai tujuan bersama dan adanya kesedaran bahwa tujuan tersebut mempunyai manfaat bagi semua.



Selain itu diperlukan juga adanya suasana yang baik serta menyenangkan dalam pembagian kerja atau tugas dalam kelompok serta balas jasa yang akan diterima. Dalam perkembangan selanjutnya juga diperlukan adanya keahlian-keahlian tertentu bagi mereka yang bekerjasama agar rencana kerjasama tersebut dapat terlaksana dengan baik.

Kerjasama timbul kerana orientasi orang/perorangan terhadap kelompoknya maupun kelompok lainnya, dan kerjasam akan bertambah kuat apabila ada hal-hal yang menyinggung atau berhubungan dengan anggota/perorangan lainnya. Fungsi kerjasama seperti yang digambarkan oleh Charles H. Cooley :

“Kerjasama timbul apabila orang menyadari bahwa mereka mempunyai kepentingan-kepentingan yang sama dan pada saat bersamaan mempunyai cukup pengetahuan dan pengendalian terhadap diri sendiri untuk memenuhi





kepentingan-kepentingan tersebut ; kesadaran akan adanya kepentingan yang sama dan adanya organisasi merupakan fakta-fakta penting dalam kerjasama yang berguna.”

Kerjasama ini kemudian dibezakan lagi menjadi beberapa bentuk yakni Kerjasama spontan (Spontaneous cooperation), iaitu kerjasama yang terjadi secara serta merta atau spontan. Kerjasama langsung (Directed cooperation), iaitu kerjasama yang merupakan hasil perintah atasan atau penguasa. Kerjasama kontrak (Contractual cooperation), iaitu kerjasama yang dilakukan atas dasar perjanjian atau kontrak tertentu. Kerjasama tradisional (Traditional cooperation), iaitu kerjasama sebagai sbahagian atau unsur dari sistem sosial dalam masyarakat.



1.7.3. Penyesuaian / Akulturasi

Penyesuaian atau akulturasi boleh didefinisikan sebagai proses penerimaan unsur budaya dari satu kelompok kepada satu kelompok yang lain. Tahap penerimaan sesebuah masyarakat adalah bergantung kepada sejauh mana kebudayaan asing tersebut mampu memberikan kelebihan dan manfaat kepada kelompok tersebut. Penerimaan adalah dalam bentuk unsur budaya yang positif sebagai contoh, pemakaian tali leher telah diterima oleh semua masyarakat dunia. Walau bagaimanapun penyerapan nilai negatif ada juga berlaku dan selalunya ditolak oleh masyarakat umum dan hanya diamalkan oleh segelintir ahli masyarakat seperti pengaruh black metal di kalangan anak muda. Isu penolakan atau



keengganan tersebut timbul ekoran wujudnya perasaan bahawa kebudayaan asing akan menghancurkan serta merosakkan kebudayaan asal mereka.

1.7.4. Persaingan

Persaingan atau kompetisi dapat diertikan sebagai suatu proses sosial dimana individu atau kelompok manusia yang bersaing mencari keuntungan melalui bidang-bidang kehidupan yang pada suatu masa tertentu menjadi pusat perhatian umum dengan cara menarik perhatian umum atau dengan mempertajam prasangka yang telah ada tanpa mempergunakan ancaman atau kekerasan.

Persaingan atau kompetisi mempunyai dua ciri umum, iaitu :

Bersifat pribadi individu atau perorangan bersaing dalam memperoleh kedudukan. Ciri ini dinamakan juga sebagai rivalry. Bersifat tidak pribadi misalnya terjadi antara dua kumpulan etnik yang bersaing untuk mendapatkan monopoli disuatu wilayah tertentu.

Bentuk-bentuk persaingan yang melibatkan persaingan ekonomi, iaitu persaingan yang timbul sebagai akibat dari adanya keterbatasan persediaan sedangkan jumlah konsumen semakin meningkat. Persaingan kebudayaan, iaitu persaingan yang dapat menyangkut persaingan dibidang agama, pendidikan, dan sebagainya. Persaingan kedudukan dan peranan, yaitu persaingan didalam diri seseorang maupun persaingan dalam kelompok sebagai akibatnya adanya keinginan untuk diakui sebagai orang atau

kelompok yang mempunyai kedudukan atau peranan terpadang. Persaingan ras, iaitu persaingan yang disebabkan adanya perbezaan ciri badaniah seperti warna kulit.

Persaingan dalam batas-batas tertentu mempunyai beberapa fungsi termasuklah menyalurkan keinginan individu atau kelompok yang bersifat kompetitif. Sebagai jalan dimana keinginan, kepentingan serta nilai-nilai yang pada suatu masa mendapat pusat perhatian tersalurkan dengan baik oleh mereka yang bersaing. Sebagai alat untuk mengadakan seleksi atas dasar gender dan sosial. Menempatkan individu pada kedudukan serta peranan yang sesuai dengan kemampuannya.

Hasil persaingan itu sendiri sangat erat kaitannya dengan faktor-faktor kepribadian seseorang. Persaingan akan mendorong seseorang untuk bekerja keras dan memberikan kesan kepada pembangunan masyarakat. Manakala persaingan yang jujur akan menyebabkan para individu saling menyesuaikan diri dalam hubungan sosial sehingga tercapai keserasian. Perubahan yang terlalu cepat terjadi dalam masyarakat akan menimbulkan disorganisasi atau perpecahan pada struktur sosial.

1.7.5. Konflik

Konflik diertikan sebagai suatu proses sosial antara dua orang atau lebih dimana salah satu pihak berusaha menyingkirkan pihak lainnya dengan cara menghancurkan atau membuatnya tidak berdaya. Konflik dilatarbelakangi oleh perbezaan ciri yang dibawa individu dalam suatu interaksi. Perbezaan-perbezaan tersebut diantaranya adalah menyangkut ciri fizikal, kepandaian, pengetahuan, adat istiadat, keyakinan dan lain sebagainya. Dengan dibawanya ciri individual dalam interaksi dalam masyarakat, konflik

menjadi sesuatu yang wajar. Tidak ada satu masyarakat pun yang tidak pernah mengalami konflik antara anggotanya atau dengan kelompok etnik lainnya, konflik hanya akan hilang bersamaan dengan hilangnya etnik itu sendiri.

Konflik dapat difahami berdasarkan dua sudut pandang:

Dari sudut pandangan tradisional konflik dianggap sebagai sesuatu yang buruk yang harus dihindari. Pandangan ini sangat menghindari konflik kerana dinilai sebagai faktor penyebab perpecahan dalam kelompok masyarakat. Dan seringkali konflik dikaitkan dengan kemarahan, agresif dan pertentangan baik secara fizikal maupun dengan kata-kata kasar. Apabila telah terjadi konflik pasti akan menimbulkan sikap emosi dari tiap-tiap individu sehingga akan menimbulkan konflik yang lebih besar.

Berdasarkan dari sudut pandang kontemporari konflik dianggap sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan sebagai konsep logik interaksi manusia. Namun yang menjadi persoalan bukanlah bagaimana besarnya konflik tapi bagaimana menanganinya secara tepat sehingga tidak merosakkan hubungan antaraindividu. Konflik dianggap sebagai suatu hal yang wajar dalam kehidupan sosial.

Faktor-faktor penyebab konflik adalah seperti perbezaan individu yang meliputi perbezaan pendirian dan perbezaan perasaan. Setiap manusia adalah individu yang unik. Artinya setiap orang memiliki pendirian dan perasaan yang berbeza-beza satu sama lain. Perbezaan pendirian dan perasaan akan sesuatu hal/ perkara dapat menjadi faktor penyebab konflik sosial, sebab dalam menjalani hubungan sosial, seseorang tidak selalu seharuan dengan kelompoknya atau etnik.

Manakala perbedaan latar belakang kebudayaan sehingga membentuk peribadi-peribadi yang berbeza. Seseorang sedikit banyak akan terpengaruh dengan pola-pola pemikiran dan pendirian kelompoknya. Hal inilah yang pada akhirnya akan menghasilkan perbezaan antara individu yang dapat menangani konflik. Sementara perbezaan kepentingan antara individu atau kelompok. Manusia memiliki perasaan, pendirian maupun latar belakang kebudayaan yang berbeda. Oleh kerana itu dalam waktu yang sama setiap individu atau kelompok memiliki kepentingan yang berbeza-beza. Kadang-kadang orang dapat melakukan hal yang sama tetapi untuk tujuan yang berbeza. Adanya perbezaan kepentingan antara satu kelompok dengan kelompok lainnya akan mendatangkan konflik sosial dalam masyarakat. Konflik akibat perbezaan kepentingan ini melibatkan bidang ekonomi, politik, dan sosial serta budaya. Ia pula dapat terjadi antara kelompok atau antara kelompok dengan individu.

Perubahan-perubahan nilai yang cepat dan mendadak dalam

masyarakat. Perubahan adalah sesuatu yang lazim dan wajar terjadi, tetapi jika perubahan itu berlangsung cepat atau bahkan mendadak, perubahan tersebut dapat menjana terjadinya konflik sosial. Perubahan yang terjadi secara cepat atau mendadak akan membuat kecacatan proses-proses sosial di masyarakat, bahkan akan terjadi usaha penolakan terhadap semua bentuk perubahan kerana dianggap mengganggu kehidupan masyarakat yang sedia ada.

1.7.6. Etnik

Etnik atau etnos dalam bahasa asal Greek membawa makna kumpulan manusia atau bangsa. Ia merujuk kepada pengenalan diri seseorang ke dalam kumpulan yang mempunyai latar belakang keturunan nenek moyang yang sama. Mereka mempunyai keturunan dari segi sejarah, negara asal, bahasa, tradisi, budaya, struktur dan sistem nilai. Ahli sosiologi merujuk etnik sebagai satu kelompok manusia yang mempunyai ikatan kebudayaan yang banyak persamaan seperti persamaan agama, ras, mahupun asal usulnya. Kumpulan etnik yang sama berkongsi adat, bahasa, pakaian tradisional, makanan dan mempunyai hubungan sosial sesama mereka. Perkongsian nilai telah menghasilkan identiti etnik tertentu yang secara tidak langsung membahagikan masyarakat dengan kumpulan etnik yang berbeza. Etnik juga didefinisikan sebagai: "An ethnic group is defined as a collectivity within a larger society having real or putative common ancestry, memories of a shared historical past, and cultural focus on one or more symbolic elements defined as the epitome of their peoplehood. Examples of such symbolic elements are: kinship patterns, physical contiguity, religious affiliation, language or dialect forms, tribal affiliation, nationality, or any combination of these." (Schermerhorn, R. 1996:17)

Mengikut kamus Dewan pula, etnik merujuk kepada sesuatu kaum atau masyarakat majmuk yang mempunyai kelompok, yang hidup berlainan tetapi di bawah sistem politik yang sama. Kumpulan etnik ialah kumpulan yang ahlinya memiliki satu set ciri sosiobudaya yang tersendiri ini. Melvin Tumin (1964: 243) mentakrifkan kumpulan etnik sebagai "satu kumpulan sosial yang wujud dalam satu sistem sosial dan

kebudayaan yang besar dengan menuntut atau diperakui dengan status istimewa dari segi satu ciri etnik yang kompleks yang ditonjolkan atau dipercayai ada memilikinya".


Menurut Schaefer (2009), etnik ialah kumpulan manusia yang berbeza dengan kumpulan lain kerana mereka berasal dari negara yang sama atau mempunyai corak budaya yang sama. Bagi Macionis (2007) mendefinisikan etnik sebagai warisan budaya yang dikongsi dalam sesuatu kumpulan manusia. Menurut Henslin (2007), etnik merupakan identiti sesuatu kaum yang mempunyai ciri-ciri warisan budaya atau keturunan nenek moyang yang sama. Bagi Amir Hasan (2006), etnik merujuk kepada pengenalan diri seseorang ke dalam kumpulan yang mempunyai latar belakang keturunan nenek moyang yang sama. Mereka mempunyai kesamaan dari segi sejarah, Negara asal, bahasa, tradisi, budaya, struktur dan sistem nilai. Manakala perasaan kekitaan dalam kumpulan etnik berkembang menerusi hubungan kekeluargaan, rakan-rakan dan kejiranan yang berkongsi ciri-ciri kehidupan yang karib. Kumpulan etnik sememangnya membantu mengekalkan pertalian kumpulan dan mengukuhkan kedudukan etnik berkenaan dalam masyarakat.

Etnik boleh didefinisikan sebagai Sekelompok manusia yang mengamalkan budaya hampir seragam, termasuklah adat resam, pakaian, bahasa dan kegiatan ekonomi. Konsep etnik mempunyai erti yang berkaitan rapat dengan konsep-konsep ras dan bangsa. Ras dan bangsa memberi penekanan pada perbezaan fizikal atau sifat-sifat biologi antara sesama manusia. Etnik sering berbeza berdasarkan ciri budaya seperti adat resam, pakaian, pandangan kecantikan, kegiatan ekonomi dan hiburan. Di Malaysia,

orang Melayu, Cina, India, Kadazan, Dusun, Melanau dan pelbagai lagi dianggap sebagai etnik (Saimin Ginsari, 2009).

Perasaan kekitaan dalam hubungan etnik berkembang menerusi hubungan kekeluargaan, rakan-rakan dan kejiranan yang berkongsi ciri-ciri kehidupan yang erat dan saling membantu dalam mengukuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat (Amir Hasan Dawi, 2006).

1.8.0. Kerangka Konseptual Kajian





Merujuk kepada kerangka konseptual kajian ini, persoalan dasarnya ialah untuk mengenal pasti bentuk perhubungan antara kumpulan etnik pelajar yang berbeza. Walaupun mereka belajar, gerko dan tinggal di asrama yang sama namun aspek integrasi etnik masih tidak jelas. Mereka masih sentiasa berada di dalam kelompok etnik sendiri kerana pengalaman belajar selama 6 tahun di sekolah rendah dan 5 tahun di sekolah menengah dengan rakan-rakan dari majoriti etnik yang sama tidak memungkinkan mereka bergaul dengan pelajar dari etnik lain. Tambahan kebanyakan mereka yang memasuki tingkatan enam di SMK Jalan Oya adalah lepasan pelajar dari sekolah menengah pedalaman yang melibatkan pelajar dari SMK Sedaya dan SMK Bawang Assan yang kebanyakan majoriti etnik Iban. Manakala pelajar lepasan tingkatan 5 dari SMK Jalan Oya terdiri daripada pelbagai etnik kerana kawasan tersebut banyak dihuni pelbagai etnik kesan pembangunan kawasan perumahan yang pesat. Bekas pesara kerajaan banyak mendiami kawasan tersebut oleh itu anak-anak mereka akan bersekolah di SMK Jalan Oya.

Untuk memahami masalah tersebut, kajian ini mengkaji atau mengenal pasti bentuk perhubungan antara kumpulan etnik pelajar semasa menjalankan aktiviti pembelajaran, kegiatan kokurikulum serta kehidupan di asrama. Bentuk –bentuk perhubungan yang melibatkan aspek Bekerjasama, Penyesuaian, Persaingan dan Konflik. Konsep kerangka kajian juga cuba mengenal pasti faktor utama yang menyumbang kepada gejala polarisasi etnik dalam kalangan pelajar dan apakah peranan pihak pengurusan tingkatan enam serta guru akademik dalam menggalakkan perhubungan antara kumpulan etnik pelajar.





Kerangka konsep kajian ini melihat bentuk –bentuk hubungan etnik yang wujud semasa aktiviti pembelajaran, kokurikulum dan kehidupan di asrama serta mengenal pasti faktor utama yang menyumbangkan gejala polarisasi etnik. Kajian juga ingin mengetahui peranan pihak pengurusan tingkatan enam serta guru akademik dalam usaha menggalakkan hubungan antara kumpulan etnik pelajar.

Jika diteliti, kelima-kelima kotak mempunyai anak panah yang menuju ke kotak utama di atas yang merupakan inti kepada kajian kes mengenai integrasi etnik di kalangan pelajar Tingkatan Enam. Ini bermaksud, kesemua aspek yang melingkari isu ini akan dirungkai untuk mendapat satu pemahaman yang jelas. Dua kotak mengenai teori yang digunakan dalam kajian ini akan membawa kepada tiga persoalan dalam kotak-kotak di bawah iaitu fenomena sosial, isu dan cara data dikumpul. Ketiga-tiga persoalan mempunyai penjelasan tersendiri dan berdasarkan teori yang digunakan, ia akan menuju ke kotak paling atas dalam mengenal pasti integrasi etnik di kalangan pelajar tingkatan enam rendah SMK Kalan Oya Sibu, Sarawak.

1.9.0. Batasan Kajian

Tumpuan kajian ini melibatkan pelajar Tingkatan Enam Rendah sahaja iaitu dari Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Oya Sibu, Sarawak. Skop kajian ini meliputi soalan soal selidik ke atas kelas Tingkatan Enam Rendah sahaja. Bentuk perhubungan etnik semasa aktiviti pembelajaran, kokurikulum dan kehidupan di asrama. Maklumat berkaitan bentuk perhubungan etnik dan faktor menyumbang polarisasi yang melibatkan aspek



bekerjasama, penyesuaian, pengasingan dan konflik diperolehi melalui soalan soal selidik yang melibatkan aktiviti pembelajaran, kokurikulum dan kehidupan di asrama.

Manakala untuk mengenal pasti peranan guru tingkatan enam dalam usaha menggalakkan perhubungan antara kumpulan etnik pelajar pengkaji akan menggunakan kaedah temu bual bersama lima orang guru akademik tingkatan enam.

1.10.0. Pendekatan Teori

Dalam kajian integrasi etnik di kalangan pelajar tingkatan enam ini pengkaji menggunakan dua teori iaitu Teori Masyarakat Majmuk dan Teori Pilihan Rasional Tentang Perhubungan Etnik kerana kedua-dua teori ini akan digunakan untuk menjawab persoalan kajian.

1.10.1. Teori Masyarakat Majmuk

Menurut pendapat J.S. Furnivall (1948) dan M.G. Smith (1965) mengutarakan konsep masyarakat majmuk untuk mengenal pasti masyarakat yang terdapat di Asia Tenggara di mana wujud satu rantai manusia - orang Eropah, Cina, India, dan berbagai-bagai kumpulan anak tempatan: 'Mereka bergaul tetapi tidak bergabung. Setiap kumpulan berpegang dengan agama masing-masing, kebudayaan dan bahasanya sendiri, idea dan cara hidupnya sendiri.

Sebagai individu mereka bertemu, tetapi hanya di pasar, semasa membeli dan menjual. Wujud satu masyarakat plural di mana pelbagai bahagian komuniti hidup

sebelah menyebelah, tetapi berasingan, dalam unit politik yang sama. Berlaku juga dalam bidang ekonomi, di mana pembahagian buruh berlaku mengikut garisan ras' (Furnivall 1948: 304).

Apabila konflik berlaku dalam masyarakat majmuk, konflik berkenaan mengikut garisan pemisah ras, bukan garisan kelas. Kategori ras dalam masyarakat majmuk ditentukan oleh sejarah; dan kategori berkenaan dibentuk oleh persaingan dan konflik antara kumpulan.

1.10.2 Teori Pilihan Rasional Tentang Perhubungan Etnik

Pendekatan teoretis yang cuba meneliti realiti sosial dengan cara melihat pilihan tingkah laku manusia di peringkat individu dan kumpulan dipopularkan, antara lain oleh Thomas Sowell, Thomas Schelling, dan Michael Banton (1997). Teori pilihan rasional tentang perhubungan etnik mengandaikan bahawa:

Individu mempunyai matlamat dan kecenderungan yang berbeza. Individu bertindak untuk memaksimumkan ganjaran material dan kedudukan sosial. Tingkah laku individu merupakan fungsi sentimen peribadi dan kepercayaan terhadap kelompok sebayanya.

Apabila individu membuat satu pilihan untuk bertindak, tindakan pilihan yang lain akan tertutup. Semasa individu bertindak ke atas pilihan tingkah laku yang dibuat, individu berkenaan akan mewujudkan ikatan sosial yang lebih erat dengan individu lain yang terlibat. Apabila individu gagal memaksimumkan ganjaran yang dihasratkan, dia akan mengambil tindakan menggembelng kekuatan kolektif, dan dalam hal ini dimensi yang dipilih akan menggambarkan konteks sejarah-budaya masyarakat tersebut.

Apabila individu gagal memaksimumkan kepuasan melalui pelbagai dimensi kumpulan sosial yang wujud dalam masyarakat, dia akan berpaling kepada soal-soal keagamaan dan ketuhanan. Apabila individu memilih untuk menggembleng kolektif berdasarkan warisan kebudayaan, batas kumpulan bersifat terbuka. Apabila individu memilih untuk menggembleng kolektif berdasarkan warisan fizikal, batas kumpulan bersifat terbuka.

1.11. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, integrasi etnik di kalangan pelajar kini merupakan perkara yang kian menghantui semua pihak di sekolah. Diharap kerangka teori ini dapat menyelesaikan masalah persoalan integrasi yang masih kabur. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu kefahaman untuk memahami masalah penyelidikan ini. Tidak dinafikan bahawa negara kita agak stabil walaupun masyarakatnya terdiri daripada pelbagai bangsa, agama, dan budaya. Namun begitu, masalah ini tidak boleh diambil sambil lewa dan perlukan penyelesaian.

Ting Chew Peh (1987) juga menyatakan bahawa pendidikan banyak fungsinya. Selain daripada menyampaikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang mustahak kepada kelangsungan hidup sesebuah masyarakat, ia juga berfungsi sebagai satu alat untuk memupuk integrasi.

Oleh itu, langkah-langkah yang efektif perlu diambil untuk menyelesaikan masalah hubungan etnik di kalangan pelajar-pelajar. Menghadapi cabaran yang

ditimbulkan oleh hubungan etnik bukannya mudah. Pengenalan kursus hubungan etnik di institusi pengajian tinggi negara yang begitu hangat diperdebatkan pada masa ini pula adalah sebagai salah satu usaha untuk menangani masalah hubungan etnik yang sering menjadi isu dalam proses pembangunan Negara (Kamarulzaman, 2007).

Integrasi dan perpaduan kaum memainkan peranan yang sangat besar dalam memajukan negara. Oleh yang demikian, kerajaan menjadikan sektor pendidikan sebagai medium memupuk perpaduan dan integrasi yang kuat di antara kaum-kaum di Malaysia. Namun begitu, apakah yang dimaksudkan dengan perpaduan dan integrasi itu sendiri? Perpaduan merupakan suatu yang menyatupadukan anggota masyarakat dan negara seluruhnya melalui ideologi negara supaya tiap-tiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta satu perasaan kebangsaan bersama di kalangan mereka. Manakala integrasi bermaksud menyatukan etnik-etnik atau kelompok-kelompok yang terasing pada asalnya kepada satu bentuk lain yang tersendiri.

Jika digabungkan dua perkataan ini, iaitu integrasi etnik ia membawa maksud mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu dengan satu identiti nasional. Kerjasama ini meliputi integrasi wilayah, ekonomi, kebudayaan, sosial, pendidikan dan politik (Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2010: 62)

Manakala konsep integrasi nasional, merupakan penyatuan kelompok masyarakat yang mempunyai latar belakang yang berbeza, menjadi satu entiti yang terikat oleh norma dan nilai serta kepentingan bersama, yang mempunyai unsur penting iaitu anggota kelompok masyarakat yang bersatu padu sekalipun berlainan latar belakang, masing-masing berasa dipunyai dan mempunyai satu kelompok yang sama (a sense of belonging).



Integrasi sebegini merupakan satu proses yang berlaku hasil ikatan batin, iaitu ikatan perasaan antara manusia sendiri. Ia adalah proses kerohanian atau spiritual, hasil daripada satu penghayatan dalam mana akhirnya berlaku perkongsian pemikiran dan hati, jauh merentasi perbezaan budaya dan kumpulan etnik. Integrasi nasional lebih merupakan satu proses berbentuk abstrak, satu proses penyatuan atau ikatan yang sehati dan berpanjangan (Modul Kenegaraan, 2011: 179-180).

Kajian ini tertumpu kepada bentuk perhubungan antara kumpulan etnik melalui aktiviti pembelajaran, kegiatan kokurikulum serata kehidupan di asrama serta peranan guru akademik tingkatan enam dalam menggalakkan hubungan etnik dalam kalangan pelajar tingkatan enam rendah. Kajian ini penting untuk mengkaji bentuk perhubungan etnik yang melibatkan nilai bekerjasama, penyesuaian, persaingan dan konflik dalam aktiviti pembelajaran, kegiatan kokurikulum(Gerko) dan kehidupan di asrama. Adakah terdapat factor utama menyumbang polarisasi etnik dalam kalangan pelajar semasa aktiviti pembelajaran, kegiatan kokurikulum(Gerko) dan kehidupan di asrama. Kajian ini juga menyingkap peranan yang dimainkan oleh guru tingkatan enam dalam menggalakkan perhubungan antara kumpulan etnik pelajar tingkatan enam rendah SMK Jalan Oya Sibul, Sarawak.

